Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| AKHBAR | : | BERITA HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 5/12/2019 | MUKA SURAT | : | 14 |
| JABATAN | : | IWK | | | |
| KLASIFIKASI | : | **PERHATIAN** | | | |

# Pengebilan bersepadu air, IWK tak naikkan tarif

**Rancangan** kerajaan perkenalkan pengebilan bersepadu air dan pembetungan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK), tidak membabitkan kenaikan tarif khidmat pembetungan sedia ada.

Langkah itu dibuat bagi memudahkan proses pembayaran apabila pelanggan menerima dan membayar satu bil untuk kedua-dua perkhidmatan.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Datuk Dr Xavier Jayakumar, berkata pelanggan hanya perlu menghubungi pusat hubungan, sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan kerana ada kakitangan IWK berada di Pejabat Pembekal Air.

Pelanggan juga tidak perlu menghubungi talian berlainan untuk isu perkhidmatan bekalan air dan pembetungan.

"Pelaksanaan pengebilan bersepadu boleh membantu rakyat bersiap sedia menghadapi perubahan, membabitkan integrasi antara perkhidmatan bekalan air dan pembetungan yang menjadi hala tuju industri perkhidmatan air negara," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Mansor Othman (PH-Nibong Tebal), yang meminta Menteri Air, Tanah dan sumber Asli menyatakan sejauh mana usaha kerajaan menggabungkan bil air dengan pembetungan IWK serta kesan kepada kerajaan dan rakyat.